




MEMAHAMI KONSEP

# " CONFIDENCE AND SUPPLY AGREEMENT "







# Penerangan




- TAKRIFAN CONFIDENCE (PERCAYA)
- TAKRIFAN SUPPLY (PERBEKALAN)
- HAD MASA PERSETUJUAN
- SEJARAH KERJASAMA DWI-PIHAK DI MALAYSIA
- KAEDAH MERUNDING CSA
- KAJIAN KES NEGARA LAIN



*"Confidence and supply agreement"*




**KESEPAKATAN DI MANA  
AHLI PARLIMEN PEMBANGKANG  
BERSETUJU UNTUK  
TIDAK MENOLAK BELANJAWAN  
DAN TIDAK MENGUSULKAN  
UNDI TIDAK PERCAYA KEPADA KERAJAAN.**



**SEBAGAI BALASAN,  
PERDANA MENTERI PERLU MENGAMBIL  
PENDEKATAN DWIPARTISAN  
DALAM BELANJAWAN DAN PENTADBIRAN.**

## APAKAH MAKSUD CONFIDENCE (PERCAYA)?



Ahli Parlimen boleh mengemukakan **UNDI PERCAYA** atau **TIDAK PERCAYA** kepada kerajaan di parlimen. Jika kerajaan tidak mendapat undian majoriti dalam undi tidak percaya dan sokongan rendah ketika undi percaya, maka **kerajaan akan dibubarkan**.


## APAKAH MAKSUD SUPPLY (PERBEKALAN) ?



Merujuk kepada belanjawan kerajaan iaitu **Rang Undang-Undang Perbekalan**.

Jika kerajaan gagal meyakinkan parlimen meluluskan belanjawan, ia tanda kerajaan hilang kepercayaan untuk mentadbir dan perlu dibubarkan.

# Mengapa CSA diperlukan sekarang?



## Untuk meluluskan Belanjawan 2021

Jumlah ahli parlimen kerajaan (113 orang) dan pembangkang (108 orang) tidak jauh beza. Jika terdapat 5 orang ahli parlimen kerajaan tidak mengundi, maka kerajaan tidak stabil dan boleh menyebabkan Belanjawan 2021 tidak diluluskan parlimen.

## Kerjasama dwi-pihak untuk menangani krisis Covid-19

Untuk memastikan kerjasama antara kerajaan dan pembangkang dalam menghadapi waktu sukar ketika Covid-19, kerajaan perlu terbuka untuk melibatkan pembangkang dalam merangka dasar dan Belanjawan 2021.


## Sokongan terhad tanpa komitmen

Ruang konsultasi yang diberi oleh kerajaan bukanlah jaminan bahawa pembangkang akan menyokong Belanjawan di Parlimen.

Keputusan untuk menyokong atau tidak, tertakluk kepada kandungan Belanjawan yang dibentangkan. Jika pembangkang memutuskan untuk meluluskan Belajawan, tidak boleh disamakan dengan sokongan kepada pihak kerajaan.

***Persetujuan di Parlimen bukan  
kerjasama politik atau gencatan  
politik.***


# **ADAKAH CSA BERMAKSUD BAHAWA UNDANG- UNDANG KERAJAAN DILULUSKAN TANPA SEMAK DAN IMBANG?**

- **01**

**Jemaah menteri perlu bertanggungjawab kepada parlimen.**

Ini diperuntukkan dalam Perkara 43(3) Perlembagaan Persekutuan. Jadi, walaupun CSA dicapai kedua-dua belah pihak, menteri kabinet tidak boleh lari daripada semak dan imbang parlimen.
- **02**

**Setiap Peruntukan Kementerian akan dibahaskan satu persatu.**

Maka, peruntukan kesemua 28 kementerian dan empat portfolio dibawah Jabatan Perdana Menteri kerajaan PN perlu dibahas oleh ahli parlimen.
- **03**

**Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada parlimen untuk meluluskan kewangan dan perbelanjaan negara**


Tugas parlimen adalah menyemak Belanjawan 2021 yang disediakan kerajaan. Jika belanjawan kerajaan mempunyai kelemahan, ahli parlimen bertanggungjawab untuk mengkritik dan menolak belanjawan tersebut.


# Berapa lama CSA ini dipersetujui?



Tiada had masa yang ditetapkan dalam CSA. Ia hanyalah persetujuan atas kepentingan dasar dan isu yang dibawa oleh kedua-dua belah pihak.

Jika kerajaan enggan berunding sesuatu dasar dengan pembangkang, maka ahli parlimen pembangkang boleh menarik balik perjanjian CSA yang telah dipersetujui.





# Pernahkah wujud kerjasama kerajaan - pembangkang?

## UNDI 18


Pada 26 Julai 2019, pindaan perlembagaan persekutuan menurunkan had umur pengundi 18 tahun telah diluluskan parlimen dengan mendapat majoriti dua pertiga wakil rakyat daripada kerajaan dan pembangkang. Seramai 221 orang ahli parlimen daripada 222 menyokong pindaan ini.

Pindaan ini mendapat sokongan pembangkang ketika itu (BN/PAS/GPS) setelah pihak kerajaan Pakatan Harapan bersetuju untuk menerima cadangan mereka iaitu:

- Pendaftaran pengundi secara automatik kepada warganegara yang berusia 18 tahun ke atas;
- Menurunkan hak kelayakan menjadi calon pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

# Langkah memulakan CSA

KAEDAH DAN RUNDINGAN DWIPARTISAN



Menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen Belanjawan yang melibatkan ahli parlimen kerajaan dan pembangkang.



Membentangkan Laporan Pra-belanjawan untuk dianalisa pembangkang lebih awal.



Konsultasi sebelum meminda Rang Undang-Undang melalui perbincangan dan rundingan rasmi dengan pembangkang.

# Negara yang pernah melakukan CSA

CONTOH ANTARABANGSA



New Zealand, 2017 - 2020

Parti Buruh dapat membentuk kerajaan dengan melakukan CSA dengan Parti Hijau.



Australia, 2010 - 2013

Kerajaan Parti Buruh (Labour party) membuat CSA dengan ahli parlimen bebas dan Parti Hijau di parlimen.



Sweden, 1998 - 2006

Kerajaan minoriti Sosial Demokratik bekerjasama dengan Parti Hijau (Green Party) selama 8 tahun.



United Kingdom, 2017 - 2018

Kerajaan Parti Konservatif mendapat sokongan parlimen daripada Parti Kesatuan Demokratik (DPU) di House of Commons. DPU menarik balik sokongan kepada kerajaan Konservatif kerana tidak bersetuju dengan Brexit.



India, 1998 - 1996

Third Front yang membentuk kerajaan minoriti telah membuat CSA bersama ahli parlimen pembangkang daripada Parti Bharatiya Janata dan Parti Kongres dalam Lok Shaba.